

25 JUN 2003

OIC-Pusat (Bergambar)/I

SETIAUSAHA AGUNG OIC TINJAU PUSAT KONVENSYEN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz hari ini meninjau Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya sidang kemuncak OIC ke-10 Oktober ini.

Beliau meluangkan masa kira-kira sejam melawat pelbagai kemudahan di pusat bernilai RM650 juta itu yang terletak di Precint 5 Putrajaya.

Ketua OIC itu tiba di sini semalam dan akan berada di negara ini sehingga Sabtu.

Ketua sekretariat sidang kemuncak berkenaan Datuk Mohd Yusof Ahmad memberitahu pemberita kemudian bahawa Dr Belkeziz kagum dengan pusat berkenaan yang diilhamkan daripada kraftangan perak masyarakat Melayu iaitu pending.

"Beliau berpuas hati. Sebelum ini, beliau berada di sini untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan telah menyaksikan keupayaan kita menganjurkan sidang kemuncak berkenaan."

"Dan beliau berkeyakinan bahawa kita akan berupaya melakukan yang lebih baik untuk sidang kemuncak OIC," kata beliau.

PCC diserahkan kepada kerajaan pada 9 Jun oleh pemajunya, Putrajaya Holdings Bhd.

Dr Belkeziz dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok. Beliau juga akan bertemu Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra.

Dr Belkeziz, dari Maghribi, dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC pada 2001.

-- BERNAMA

MAM ROS